

## **REMAJA, KEMISKINAN DAN JUVANA SUATU REALITI?**

Oleh

Dr Hasan Bahrom

Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun

Tel 098400480, fax 098400234,

drhasan@tganu.uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

Rasulullah saw ada menyebut “kefakiran akan menyumbang kepada kekufuran”. Kekufuran yang dimaksudkan oleh Rasulullah saw ini bukan sahaja bermaksud tidak menunaikan segala kewajipan yang diperintahkan oleh Allah swt, tetapi juga terpakai kepada tatakelakuan insan yang tidak mengikut tataperaturan yang telah ditetapkan oleh Allah swt atau mereka yang sengaja melakukan perbuatan yang bertentangan dengan kehendak syarak. Persoalannya apakah ada hubungkaitnya apa yang diperkatakan oleh Rasulullah saw itu dengan gejala yang berlaku di kalangan umat Islam pada hari ini. Apakah kemiskinan menjadi punca kepada berlakunya gejala sosial di kalangan generasi muda, apakah ada hubungkait antara kemiskinan dan gejala sosial, kalau ada sejauhmana pemberat pengaruh kemiskinan dengan gejala sosial. Kertas ini akan cuba membuktikan apa yang diperkatakan oleh Rasulullah saw itu sesuatu yang benar atau sebaliknya.

### **Pendahuluan**

Pertumbuhan ekonomi tidak bermakna penghapusan kemiskinan berlaku atau pembaikan agihan pendapatan di kalangan masyarakat berjaya dilakukan. Sungguhpun Malaysia dianggap oleh Bank Dunia sebagai sebuah negara Asia Timur yang mengalami "ekonomi ajaib" [World Bank, 1993], namun kita harus bijak dalam menangani dan mengurus masalah kemiskinan. Kemiskinan boleh melanda setiap bangsa dan negara. Sekiranya gagal dibendung, kesan kemiskinan dapat dilihat pada pelbagai aspek antara yang ketara ialah gejala sosial dan ekonomi termasuk peningkatan pengangguran di kalangan masyarakat. Gejala sosial menjadi penghambat kepada pencapaian wawasan pembangunan Negara seperti yang dicanangkan dalam Wawasan 2020. Wawasan tersebut berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Keruntuhan moral yang berlaku hari ini sering diperkatakan oleh masyarakat di Bandar ataupun masyarakat desa. Lebih-lebih lagi kelakuan muda-mudi mempamerkan nilai yang tidak disenangi oleh masyarakat dan tidak secukup dengan nilai keagamaan sehingga peningkatan kes-kes juvana. Apakah ada hubungkaitnya antara gejala sosial dengan taraf hidup keluarga?. Adakah keruntuhan moral ini mendorong kepada berlakunya jenayah sosial yang meruncing. Ianya berpunca dari kemiskinan yang dialami oleh keluarga?

Kertas ini lebih merupakan satu kajian sosial ke atas pelatih-pelatih yang berada di pusat-pusat pemulihan akhlak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat taraf sosial ekonomi penjaga responden dan pengaruhnya kepada perlakuan jenayah juvana. Taraf ekonomi disini adalah pengukuran pendapatan penjaga bagi sebulan. Pendapatan ini juga dikira dalam menentukan kadar kemiskinan keluarga.

### **Takrifan istilah**

Kemiskinan di Malaysia diukur berasaskan satu peringkat perbelanjaan yang minimum atau pendapatan, dua garis kemiskinan ini yang membezakan diantara golongan miskin dan kaya. Perbelanjaan minimum ini merupakan paras kemiskinan mutlak yang ditentukan berasaskan

kepada taraf hidup penduduk negara. Menurut Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (2002) garis kemiskinan sekarang ialah RM 510.00 perkeluarga pada tahun 1999 bagi saiz isi rumah seramai 4.6 orang sementara bagi Sabah ialah RM685 sebulan bagi saiz purata isi rumah 4.9 orang. Bagi Sarawak ialah RM584 dengan saiz purata isi rumah 4.8 orang [Rancangan Malaysia kelapan 2001 – 2005, Jadual 3 – 2]. Bagi tahun 2002 PGK untuk Semenanjung Malaysia ialah RM529, Sabah RM690 dan Sarawak RM600.

Juvana ialah mereka yang melakukan kesalahan jenayah berusia di antara 10 sehingga 18 tahun. Takrifan ini mengikut peruntukan akta Mahkamah Juvana 1974, panggilan Juvana diberikan kepada remaja ini kerana mereka telah melakukan kesalahan yang ditakrifkan sebagai Jenayah seperti kelakuan tidak terkawal, lari dari rumah, membunuh, cubaan membunuh, merompak berkumpulan, dan membawa senjata merbahaya. Sementara pusat pemulihan iaitu Sekolah Tunas Bakti dan Asrama akhlak adalah satu pusat yang ditubuh dan dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sebagai salah satu perkhidmatan yang mereka tawarkan kepada masyarakat.

### **Kajian terhadap gejala sosial**

Hubungan antara kemiskinan dan gejala sosial, adalah suatu yang agak sinonim, tetapi adakah ia benar-benar terjadi dan berhubungkait antara satu sama lain? Satu pendekatan kajian telah dijalankan bagi melihat akan kebenaran dan keberangkalian hubungkaitnya perkara tersebut. Kumpulan penyelidik dari UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan satu bancian soal selidik terhadap penghuni di pusat-pusat pemulihan akhlak yang terdapat di Pantai Timur, bagi menguji, samada terdapat satu hubungkait antara taraf ekonomi keluarga dan juga pelakuan jenayah oleh remaja di bawah jagaan pusat Pemulihan Akhlak.

Kajian yang melibatkan 204 responden terdiri daripada 126 orang atau 61.8 peratus lelaki dan 78 orang atau 38.2 peratus perempuan. Perbezaan yang ketara ini berlaku kerana, kajian ini hanya dilakukan di tiga pusat atau sekolah tunas bakti yang menempatkan pesalah jenayah Juvana sama ada lelaki atau perempuan yang berada di Pantai Timur, iaitu Sekolah Tunas Bakti Perempuan dan Lelaki di Jerantut, Pahang yang menempatkan pesalah juvana zon Pantai Timur, dan Asrama Pusat Pemulihan Rusila, Terengganu yang hanya menempatkan pesalah juvana lelaki sahaja.

Dari aspek umur pula, pesalah jenayah Juvana yang berada di sekolah ini adalah terdiri daripada mereka yang berumur antara 10 tahun sehingga 20 tahun. Kalau dilihat dari statistik di bawah pesalah jenayah yang paling ramai ialah mereka yang berumur antara 16 sehingga 18 tahun iaitu 128 orang atau 62.7 peratus. Kemudian mereka yang berumur antara 13 sehingga 15 tahun ialah 56 orang atau 27.5 peratus. Manakala mereka yang berumur 19 tahun sehingga 20 tahun terdiri daripada 16 orang atau 7.8 peratus dan mereka yang berumur 10 tahun sehingga 12 tahun hanya 4 orang atau 2 peratus sahaja. Faktor ini berlaku bersesuaian sekali dengan pendapat ahli psikologi (Erikson, E 1963) yang melihat mereka yang berumur 16 sehingga 18 tahun adalah peringkat umur yang amat besar cabarannya kerana mereka masih mencari-cari satu identiti yang sesuai dengan mereka dalam mereka membina personaliti diri.

Dari sudut kelompok bangsa mereka yang paling ramai mendiami tempat penahanan ini adalah terdiri daripada orang Melayu. Daripada 204 responden yang dibuat penyelidikan mendapati 190 orang atau 93.1 peratus terdiri daripada bangsa Melayu. Manakala bangsa Cina seramai 7 orang atau 3.4 peratus, India 5 orang atau 2.5 peratus dan bangsa lain seramai 2 orang atau 1 peratus sahaja.


Kajian ini mendapati bangsa Melayu dan beragama Islam yang ramai terlibat dengan jenayah juvana. Penglibatan masyarakat Melayu dalam jenayah juvana ini adalah berpunca daripada statistik orang Melayu adalah penduduk yang ramai menghuni negara ini. Justeru itu statistik menunjukkan daripada 204 responden, 194 orang atau 95.1 peratus adalah orang yang beragama

Islam. Sementara pesalah Juvana yang menganut agama Buddha seramai 5 orang atau 2.5 peratus, Hindu 4 orang atau 2 peratus dan mereka yang menganut agama kristian 1 orang atau 0.5 peratus. Walau bagaimanapun dari aspek ajaran agama Islam mendidik dan mengawal penganutnya daripada terlibat dengan kesalahan jenayah juvana atau lainnya. Inilah yang menjadi persoalan yang perlu dilihat, pegangan agama tidak menjadi faktor penentu kepada ketidakterlibatan generasi muda dengan jenayah juvana. Dalam ertikata lain agama tidak latarbelakang agama bukanlah fungsi penolak kepada keterlibatan juvana dalam jenayah.

Taraf pendidikan responden sebelum disabitkan dengan kesalahan juvana dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang keciciran daripada dalam pendidikan. Dalam ertikata lain, juvana yang terlibat dengan jenayah berkisar dalam pendidikan sekolah menengah, rendah dan tidak bersekolah. Ini memberi makna ketinggian pendidikan memberi penghalang kepada keterlibatan juvana dalam kesalahan jenayah.

Graf 1

### Pendidikan Responden Sebelum Ditangkap




Taraf Pendidikan

Latarbelakang pendidikan pesalah Jenayah Juvana yang dimasukkan ke dalam Pusat ini adalah terdiri daripada mereka yang mendapat pendidikan sekolah rendah. Daripada 204 responden mereka yang mendapat pendidikan sehingga tingkatan tiga sahaja ialah 109 orang atau 53.4 peratus, mereka yang mendapat pendidikan sehingga tingkatan lima ialah 47 orang atau 23 peratus. Sekolah rendah 33 orang atau 16.2 peratus dan yang paling tidak terduga adalah mereka yang tidak bersekolah melakukan kesalahan jenayah Juvana ini ialah 15 orang atau 7.4 peratus. Satu angka yang agak tinggi, demikian juga mereka yang mendapat pendidikan hanya ditahap sekolah rendah sahaja agak tinggi bilangannya melakukan jenayah.

Bagi ketogeri pekerjaan responden dalam kajian ini, walaupun majoritinya masih belajar, iaitu 75 orang atau 36.8 peratus. Jika dibandingkan mereka yang menggangur dengan mereka yang bekerja sama ada sebagai buruh atau lainnya lebih tinggi daripada mereka yang sedang belajar. Ketika ditangkap mereka yang menggangur ialah seramai 55 orang atau 27 peratus, bekerja sebagai buruh iaitu buruh binaan seramai 36 orang atau 17.6 peratus dan mereka yang bekerja selain daripada buruh seperti nelayan, kerja di restoran dan sebagainya seramai 38 orang atau 18.6 peratus.

Graf 2


## Pekerjaan Juvana Sebelum Ditangkap



Ditinjau dari aspek keakraban responden dengan penjaga dilihat dari sudut pengetahuan mereka tentang latarbelakang keluarga khususnya dalam bidang pendidikan. Majoriti responden tidak pasti dengan tahap pendidikan penjaga mereka. Ini bermakna juvana ini tidak pernah mengambil tahu latarbelakang pendidikan penjaga mereka ataupun mereka mempunyai hubungan yang dingin dengan penjaga. Ini juga menggambarkan hubungan yang agak hambar yang mendorong juvana mengadakan aktiviti luar yang lebih kerap berbanding juvana yang bersama dengan penjaga mereka. Juvana lebih banyak bersama-sama dengan kawan-kawan dan menghabiskan masa lapang di luar rumah.

**Graf 3**

**Pendidikan Penjaga**




**Pendidikan Penjaga**

Hampir lapan puluh peratus keluarga atau penjaga responden mempunyai pendapatan kurang dari RM1000 sebulan, jika dikira mengikut taraf kemiskinan pula seramai 85 responden menyatakan pendapatan keluarga mereka kurang dari RM500 sebulan. Jumlah ini agak besar yang menunjukkan lebih 40 peratus penjaga responden berada di bawah taraf kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu pendapatan yang kurang dari RM500 sebulan dengan kadar empat hingga lima orang isi rumah.

**Graf 4**

**Pendapatan Perjaga**




**Pendapatan**

## Pendapatan Penjaga dan Bilangan Tanggungan

Setelah dibuat perbandingan, antara pendapatan penjaga dan bilangan tanggungan, penjaga yang mempunyai pendapatan dibawah RM500 mempunyai tanggungan yang agak ramai berbanding penjaga yang mempunyai pendapatan RM3000 ke atas. Pendapatan yang rendah serta bilangan ahli tanggungan yang ramai mewujudkan suasana yang tidak selesa di kalangan penghuninya, terutama bagi rumah yang sempit. Ini akan memberikan satu tekanan perasaan atau pemberontakan bagi jiwa juvana. Pemberontakan ini mendorong juvana untuk berada di luar premis kediaman berbanding berada di rumah sendiri. Ini terbukti apabila responden ditanya akan kegiatan-kegiatan yang sering dilakukan sebelum mereka ditangkap. Purata mereka lebih suka bersama rakan-rakan berbanding membantu ibubapa. Yang lainnya adalah menonton television dan mendengar radio.

Graf 6

Perbandingan Pendapatan Penjaga dan Bilangan Tanggungan




## Perbandingan Pendapatan Penjaga dan Pekerjaan Juvana Sebelum Ditangkap

Perbandingan juga dilakukan terhadap aktiviti atau pekerjaan yang dilakukan sebelum mereka di masukkan ke pusat pemulihan akhlak. Majoriti responden adalah tidak bersekolah, hanya 75 atau 37 peratus sahaja yang masih belajar. Kebanyakan mereka adalah menganggur dan menjadi buruh. Desakan hidup boleh mempengaruhi Juvana dalam menentukan prestasi mereka di sekolah, lantas memilih ataupun terpaksa memilih untuk menamatkan pengajian mereka yang lebih awal berbanding rakan-rakan mereka yang lain.

**Graf 7**


**Perbandingan Pendapatan Penjaga dan Pekerjaan Juvana Sebelum Ditangkap**



**graf 8**

**Perbandingan Pendapatan Penjaga dan Kesalahan juvana**


Dilihat dari aspek pendapatan penjaga dengan kesalahan juvana mencuri didapati amat ketara antara penjaga yang mempunyai pendapatan RM500 dan RM501 hingga RM1000. kes-kes yang melibatkan penjaga yang berpendapatan sedemikian itu adalah tinggi berbanding dengan kesalahan dan pendapatan penjaga yang mempunyai pendapatan yang agak tinggi.



Daripada jadual di atas, menunjukkan bahawa responden yang penajaganya mempunyai pendapatan yang kurang daripada RM500 adalah majoriti penyumbang kepada gejala sosial berbanding penjaga yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi. Demikian juga kalau kita melihat perbandingan antara juvana yang terlibat dengan kesalahan jenayah dihubungkan dengan pendapatan pasangan suami, didapati pasangan penjaga yang mempunyai pendapatan kurang dari RM500, pendapatan RM500 – RM1000 dan mereka yang tidak mempunyai pendapatan lebih tinggi daripada mereka yang mempunyai pendapatan yang lebih besar. Jadual di bawah memberi gambaran yang telah dikemukakan itu, ini bermakna antara faktor yang mempengaruhi juvana terlibat dengan gejala jenayah adalah pendapatan isi keluarga.

**Graf 9**

**Perbandingan Kesalahan Juvana dengan Pendapatan pasangan penjaga**




Apabila dilihat dari segi jenis kesalahan, jenayah remaja lebih tertumpu kepada melakukan kesalahan mencuri. Kesalahan mencuri adalah kesalahan yang tertinggi kekerapannya dilakukan oleh juvana. Kelakuan ini dilakukan berdasarkan kepada desakan ekonomi, dan boleh dikatakan desakan ekonomi menjadi pendorong responden melakukan kesalahan seperti mencuri dan merompak. Perkara ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan apa yang mereka inginkan dan memenuhi keperluan mereka seharian.

Dapatan ini jika dilihat dari aspek peratusan pendapatan keluarga iaitu penjaga [bapa] dan pasangan penjaga [ibu], memperlihatkan trend yang sama. Dalam kajian ini mendapati ahli keluarga yang mendapat pendapatan kurang daripada RM500 lebih besar berbanding dengan ahli keluarga yang mendapat pendapatan lebih daripada RM1001 ke atas, jumlah tersebut menjangkaui 73 peratus. Dan juvana yang terlibat dengan kesalahan jenayah juga memperlihatkan gambaran yang sama. Ini memberi keputusan yang amat ketara tentang hubungkait antara kedudukan kewangan atau gaya hidup keluarga menjadi nilai penyumbang kepada keterlibatan juvana dalam kes-kes jenayah.



**Graf 10**

**Jumlah Pendapatan Penjaga dan Pasangan Penjaga.**



**Perbandingan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelakuan Jenayah Juvana**

Selain daripada masalah corak ekonomi keluarga menjadi faktor penyumbang kepada perlakuan jenayah juvana, faktor-faktor lain juga menjadi nilai yang signifikan kepada keterlibagan juvana dalam kesalahan jenayah. Sekalipun demikian faktor persekitaran itu tidaklah memberi kaitan yang tinggi kepada penglibatan juvana dalam kesalahan jenayah. Dalam jadual di atas, menunjukkan purata faktor yang mempengaruhi Juvana dalam melakukan kesalahan adalah di antara 1.80 hingga 2.90. Sementara purata yang melebihi 2.50 adalah kuat berbanding dengan purata yang kurang 2.50. Ini kerana purata yang kurang daripada 2 adalah tidak bersetuju dengan faktor yang telah diajukan, dan purata yang lebih dari 3 adalah bersetujunya responden dengan faktor yang dinyatakan. Dari 204 responden yang terlibat dalam soal selidik ini, purata faktor yang disenaraikan mempunyai purata pengaruh yang rendah terhadap perlakuan-perlakuan jenayah yang telah dilakukan oleh Juvana, kecuali untuk pengaruh rakan-rakan sebaya memperlihatkan peranan yang agak penting dalam menentukan perilaku responden. Lain-lain pengaruh yang yang boleh memberi sumbangan kepada pelakuan jenayah Juvana ialah kurangnya didikan agama, ingin mendapatkan wang dan ibu bapa kurang memberi perhatian. Serakkan dalam taburan data juga adalah kecil iaitu kurang dari 1.11 untuk variance dan 1.05 untuk sisihan piawai untuk kelab malam. Jawapan yang diberikan oleh responden tidak banyak berbeza antara satu sama lain.

| Varian | Sisihan Piawai | Purata |                         |
|--------|----------------|--------|-------------------------|
| 0.99   | 0.99           | 2.68   | Ingin Mencuba           |
| 0.70   | 0.84           | 2.85   | Pengaruh rakan          |
| 0.98   | 0.99           | 2.39   | Melepaskan Geram        |
| 0.73   | 0.85           | 1.97   | Menjadi Juara           |
| 1.05   | 1.02           | 2.56   | Mendapatkan Wang        |
| 0.88   | 0.94           | 2.04   | Pengaruh Television     |
| 0.72   | 0.85           | 1.89   | Pengaruh Akhbar         |
| 0.87   | 0.93           | 1.99   | Pengaruh Internet       |
| 0.95   | 0.98           | 2.00   | Pengaruh VCD Lucah      |
| 1.11   | 1.05           | 2.06   | Pengaruh Kelab Malam    |
| 0.90   | 0.95           | 2.23   | Pengaruh Masyarakat     |
| 0.97   | 0.98           | 2.57   | Kurangnya Didikan Agama |
| 0.89   | 0.94           | 2.55   | Kurang Perhatian        |

### Perbandingan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pelakuan Jenayah Juvana

#### Kesimpulan

Umur remaja adalah umur yang paling kritikal, disaat ini berbagai pengaruh dan gaya hidup boleh terserap ke dalam jiwa remaja. Di peringkat ini juga, perhatian diperlukan oleh juvana bagi membimbing mereka dari tejabak dengan gejala yang tidak diingini. Masalah sosio ekonomi keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan kepribadian remaja.

Di dalam kajian ini, kelihatan, juvana yang datang dari keluarga yang rendah sosio- ekonominya lebih terdedah dengan jenayah berbanding juvana yang mempunyai penjaga yang berpandangan tinggi. Persoalannya adakah desakan hidup untuk mendapatkan sesuatu menjadikan remaja ini terlibat dengan jenayah. Majoriti Juvana terlibat dengan jenayah mencuri, mengedar dadah, lari dari rumah dan lain-lain ada hubungkaitnya dengan sosio-ekonomi keluarga. Ini bermakna kemiskinan yang disebut oleh Rasulullah saw sejak 15 abab lepas masih signifikan, dalam ertikata lain apa yang diperkatakan oleh Rasulullah saw tersebut sesuatu yang perlu dilihat sebagai satu tanggungjawab yang mesti diselesaikan oleh semua pihak.

## **Cadangan**

Berdasarkan kepada analisis tersebut penyelidik ingin membuat beberapa cadangan sama ada pada pihak yang bertanggungjawab secara langsung kepada pesalah-pesalah Juvana atau masyarakat umum. Atau pihak-pihak yang berminat untuk mengambil tahu terhadap segelintir masyarakat yang melakukan kesalahan tersebut. Pada umumnya semua pihak bertanggungjawab untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi ini, kerana semua pihak sebenarnya menyumbang kepada perlakuan-perlakuan jenayah yang dilakukan oleh Juvana. Antara cadangan yang hendak dikemukakan ialah:

### **Pendidikan Institusi Keluarga**

Institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam menentukan tatakelakuan anak-anak khususnya remaja yang sedang meningkat umur. Generasi peringkat umur 10 tahun hingga 18 tahun terdedah dengan kepelbagaian sumber yang boleh mendatangkan sama ada kebaikan atau keburukan kepada mereka. Institusi keluarga menjadi aset dan penyumbang yang besar kepada pembinaan generasi ini. Cara didikan, corak pergaulan, jenis kawan dan keakraban hubungan keluarga menjadi penyumbang kepada tatakelakuan mereka. Kerana itu membina keluarga yang harmoni, dan terdidik amat penting dan menjadi satu asas kepada pembinaan generasi. Pendidikan keluarga harus menjadi teras kepada sistem sosial di negara ini. Pembentukan kempen-kempen menyayangi keluarga diharap dapat meningkatkan lagi kasih sayang dan membina hubungan yang rapat antara satu sama lain. Kaunseling dan ceramah perlu jug adakan bagi penduduk-penduduk yang mempunyai pendapatan rendah dan luar Bandar. Ini penting bagi mereka tidak kecikiran dalam arus perdana.

### **Meningkat Taraf Hidup**

Taraf ekonomi penting dalam kehidupan manusia, salah satu faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam kesalahan jenayah Juvana adalah disebabkan kepincangan ekonomi rumah tangga atau keluarga. Ini sesuai sekali dengan sabda Rasulullah saw yang bermaksud : kefakiran itu akan mendorong manusia melakukan kekefuran. Justeru itu adalah dicadangkan kepada pihak yang berwajib, khususnya organisasi atau kementerian yang berhubung langsung dengan dasar kemiskinan ini melihat perkara ini secara serius, kerana punca berlakunya kesalahan jenayah Juvana adalah faktor kemiskinan. Penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada isi rumah dengan gaji yang sewajarnya perlukan. Agak malang jika gaji yang ditawarkan oleh sektor-sektor ekonomi sedia ada dengan kadar yang lebih rendah dari kadar kemiskinan Negara. Pematauan gaji dan insentif dari pihak kerajaan juga adalah perlu. Peluang-peluang pembangunan ekonomi seperti pinjaman bagi memulakan perusahaan sendiri juga boleh mengalakan pembangunan ekonomi keluarga.

### **Sistem Sosial Masyarakat**

Masyarakat juga boleh dikira salah satu faktor penyumbang kepada berlakunya jenayah Juvana, kerana itu institusi masyarakat harus dibina mengikut nilai-nilai yang bersesuaian dengan kehendak agama. Kementerian yang bertanggungjawab dengan institusi masyarakat hendaklah berusaha memupuk kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap mereka terhadap masyarakat yang lain. Kementerian hendaklah menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bercorak kerohanian dan pembinaan rupa bangsa yang melibatkan semua golongan atau semua pihak. Khususnya golongan yang tinggal di luar Bandar atau mereka yang kurang berada.

### **Peningkatan pendidikan**

Pendidikan adalah satu teras yang menjamin peningkatan pendapatan individu. Juvana adalah perlu diwajibkan mendapatkan pendidikan sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia. Ini

penting bagi membenarkan mereka melepasi tahap kritikal dalam kehidupan remaja mereka. Pemantauan dari guru-guru, ibubapa dan masyarakat dapat mengelakan mereka berpeleleran di luar kawasan sekolah. Penyediaan elaun tutorial, biasiswa dan bantuan makanan dapat mengalakan juvana ini terus ke sekolah. Lantas mengurangkan mereka terdedah dengan jenayah yang terdapat di persekitaran mereka. Tekanan ketiadaan wang juga dapat dikurangkan.

## Rujukan

Abdullah Nasih Ulwan, 1988, *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam*, terj. Syed Ahmad Samit, Pustaka Nasional, Singapura.

Achenback, T & Edelbrock, C, 1987. *The Manual for the Youth Self Report and Profile*. Bunington, Ut:University of Vermont

*Berita Harian*, 96 Peratus Kes Juvana Selesai Hingga June, 5 Julai 2002,

Chamhuri Siwar & Nor Aini Hj. Idris (sunt.) *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia* 1996 ISBN 967-942-345-X RM30.00 326hlm.

Erikson, E 1963, *Childhood and Society*, Edisi ke 2, New York: W.W. Norton.

*Gail Billington*, Why The "Asian Tiger" Miracle- Is An Endangered Species Speech at Schiller Institute Conference, February, 1997. Printed in *The American Almanac*, April 7, 1997.

Himmelweit, Hilde T., Patrick Humphreys and Merianne Jafer, 1987, *How Voters Decide : A Model Of Vote Choice Base On A Special Longitudinal Study Extending Over Fifteen Years And The British Election Survey of 1970 – 1983*, Open University, Press, Philadeiphia.

<http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/akta.htm>

<http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/inst/asramarusila.htm>

[http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/inst/stbjerantut\(L\).htm](http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/inst/stbjerantut(L).htm)

[http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/inst/stbjerantut\(P\).htm](http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/inst/stbjerantut(P).htm)

<http://www.kempandu.gov.my/jkm/mel/InstML.htm>

Mead. M, 1968. *Coming of Age in Samoa*. New York: Dell.

Saufi Ismail dan rakan-rakan, 2000, *Jenayah Juvana di Negeri Melaka*, Unit Penyelidikan dan Perundingan UiTM Melaka,.

STBL, 2002. *Buku Taklimat Sempurna Lawatan Kerja Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*, Brunei Darul Salam, Oktober 2002. Sekolah Tunas Bakti Jerantut (Lelaki)

Simmons, R.G, Rosenberg, e Rosenberg, M, 1973. *Disturbance in the Self Image at Adolescence*, 4.

Siri Pengetahuan am, Bersatu Melangkah Ke Abab 21 (1999). Jabatan Penerangan Malaysia. Kuala Lumpur

Siti Fatimah Abdul Rahman, Gejala Sosial dan Kemiskinan, *Fellow IKIM*,  
<http://www.ikim.gov.my/index.htm>

